



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MALAM MATAR GAWAI DAYAK SIBU 2026**

“BESERAKUP NUJU PEMANSANG”

**23 MEI 2026 (SABTU)
7:00 MALAM
TINGKAT 6, HOTEL KINGWOOD SIBU**

Salam Perpaduan, dan Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Malam ini, kita dapat berhimpun dengan penuh gembira bagi meraikan **Malam Matar Gawai Dayak Bahagian SibU 2026**. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penganjuran Malam Matar Gawai pada tahun ini, khususnya **Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) SibU, Sarawak Dayak National Union (SDNU) SibU, Orang Ulu National Association (OUNA) SibU dan Dayak Bidayuh National Association (DBNA)**.
2. Lebih tiga dekad komitmen berterusan ini menjadi bukti kukuh bahawa masyarakat Dayak sentiasa teguh dalam memelihara adat, budaya dan identiti mereka. Usaha ini menjadikan Matar Gawai sebagai acara yang dinanti-nantikan serta dihormati oleh pelbagai lapisan masyarakat.
3. Menjelang musim Gawai, kita sering menyaksikan fenomena yang cukup menyentuh hati iaitu kepulangan anak-anak perantau ke kampung halaman. Walau sejauh mana mereka merantau, di dalam mahupun luar negara, mereka tetap kembali untuk meraikan Gawai bersama keluarga tersayang. Inilah bukti bahawa akar budaya masyarakat Dayak amat kuat dan tidak pernah

terputus, malah menjadi ikatan yang menyatukan generasi demi generasi.

SAMBUTAN HARI GAWAI

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Hari Gawai yang disambut pada 1 Jun setiap tahun adalah simbol kesyukuran kepada Tuhan, penghormatan kepada leluhur serta manifestasi perpaduan dalam komuniti. Ia mengingatkan kita bahawa kejayaan tidak pernah dicapai secara individu, tetapi melalui semangat kerjasama, gotong-royong dan kebersamaan.

5. Inilah keunikan Sarawak yang amat kita banggakan. **Gawai bukan sahaja diraikan oleh masyarakat Dayak seperti Iban, Bidayuh dan Orang Ulu, malah turut disambut dan diraikan bersama oleh pelbagai etnik lain.** Masyarakat Melayu, Cina serta kaum-kaum lain turut hadir memeriahkan sambutan ini, sama ada melalui rumah terbuka, kunjung-mengunjungi mahupun penglibatan dalam pelbagai aktiviti kebudayaan. **Inilah gambaran sebenar wajah Sarawak yang harmoni, di mana kepelbagaian bukan menjadi penghalang, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan kita semua.**

6. Seiring aspirasi **Malaysia MADANI**, Kementerian Perpaduan Negara kekal komited untuk memperkukuh perpaduan nasional, memelihara keharmonian antara kaum serta memperkasa integrasi masyarakat. Perayaan seperti Gawai Dayak menjadi platform penting untuk merapatkan hubungan rakyat, membuka ruang saling memahami, menghormati serta membina kepercayaan antara satu sama lain.

7. Dalam dunia yang semakin mencabar, perpaduan tidak boleh dianggap remeh. Kita perlu sentiasa berpegang kepada nilai hormat-menghormati, toleransi dan semangat kekitaan. *Kitai enda tauk pecah belah, kitai mesti terus segulai sejalai*. Hanya dengan perpaduan yang kukuh, negara kita akan terus aman dan harmoni.

WARISAN BUDAYA DAN NILAI TRADISI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Menurut **Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]**, Warisan Tidak Ketara merujuk kepada amalan, ekspresi, pengetahuan dan budaya masyarakat yang mempunyai nilai estetika, sejarah serta identiti yang tinggi kepada negara. **Warisan ini merangkumi pelbagai bentuk tradisi yang diwariskan secara turun-**

temurun dan menjadi lambang jati diri masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

9. Justeru, Jabatan Warisan Negara terus memperkukuh usaha pemuliharaan dan pemeliharaan warisan tidak ketara melalui empat cawangan utama iaitu Adat dan Budaya, Seni Persembahan, Bahasa dan Persuratan, serta Seni Halus dan Kraf. Kesemua elemen ini memainkan peranan penting dalam memastikan khazanah budaya negara terus lestari dan dihargai oleh generasi akan datang.

10. Dalam konteks Hari Gawai, antara elemen yang amat signifikan ialah **upacara Miring** yang menjadi keutamaan dalam adat masyarakat Dayak. Upacara ini merupakan ritual tradisi yang sarat dengan nilai spiritual, kesyukuran, penghormatan kepada alam serta permohonan kesejahteraan. Ia masih diamalkan hingga kini khususnya dalam sambutan Gawai dan majlis adat masyarakat Dayak.

11. Melihat kepada nilai budaya, sejarah dan keasliannya, **upacara Miring mempunyai potensi besar untuk diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara di peringkat kebangsaan dan seterusnya dipertimbangkan di bawah UNESCO.** Oleh itu,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara perluewartakan upacara ini sebagai Warisan Kebangsaan terlebih dahulu agar ia dapat didokumentasikan, dipelihara dan dipromosikan secara lebih menyeluruh.

12. Pada masa yang sama, usaha pemeliharaan budaya Dayak telah pun menunjukkan kejayaan apabila **tarian Ngajat diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007**, sekali gus membuktikan komitmen negara dalam memartabatkan budaya masyarakat pribumi sebagai sebahagian daripada identiti nasional.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

13. Akhir kata, warisan budaya dan identiti kita harus terus dipelihara sebagai khazanah yang tidak ternilai harganya. **Jangan sesekali kita membiarkan adat, tradisi dan budaya ini ditelan zaman atau hilang ditelan arus pemodenan.** Setiap warisan yang kita miliki bukan sahaja mencerminkan sejarah dan jati diri sesuatu kaum, tetapi juga menjadi asas kepada perpaduan dan keharmonian masyarakat di negara ini.

14. Oleh itu, **ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik generasi muda agar terus mengenali, menghargai dan mengekalkan adat serta budaya warisan nenek moyang.** Pendidikan awal di rumah akan memastikan nilai murni, adat resam dan identiti budaya terus subur dalam jiwa anak-anak. Dengan usaha berterusan ini, kita mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja maju dari segi pemikiran, tetapi juga kukuh jati diri dan bangga dengan warisan budaya sendiri.
15. Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada pihak penganjur atas penganjuran **Malam Matar Gawai Dayak Bahagian Sibuh 2026** yang penuh bermakna ini.

Dengan itu, saya merasmikan **Malam Matar Gawai Dayak Bahagian Sibuh 2026.**